



# SPRM MENDEKATI MASYARAKAT



4 Wang Politik  
vs  
Politik Wang

7 DJ RTM Ejen  
Hebahan Info  
SPRM

10 Modul Komprehensif  
Kursus Asas Pegawai  
SPRM





## Sidang REDAKSI

### PENERBIT

Tan Sri Abu Kassim Mohamed

### PENERBIT ESEKUTIF

Datuk Mustafar Ali

### PENASIHAT EKSEKUTIF EDITORIAL

Datuk Shamshun Baharin Mohd. Jamil

### KETUA EDITORIAL

Samsul Salip

### EDITOR

Norrita Yaakob

### WARTAWAN

Faridah Mahabob

### KETUA REKABENTUK GRAFIK

Lee Cheng Teik

### UNIT FOTO

Rosman Abu Bakar

Muhammad Multazam Mohd. Shuhaini

### UNIT PENGEDARAN

Azizi Arifin

Yusof Mohamad Saberi

## BULETIN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

## kandungan

KANDUNGAN/ SIDANG REDAKSI	02
PENA PENGARANG	03
Wang Politik vs Politik Wang	04
Pegawai SPRM Dilatih Mendekatkan Diri Dengan Masyarakat	06
DJ/ Penyampai RTM Ejen Hebahan Info SPRM	07
Lensa SPRM	08
Modul Komprehensif Kursus Asas Pegawai SPRM	10
Diari I.O - Helah Membawa Padah	12
Program Givers & Takers, The Integrity – Corruption Continuum	13
Titbits	14

**PERCETAKAN** Attin Press Sdn. Bhd. No.46 Jalan 2/108, Kawasan Perindustrian, Taman Salak Jaya, Salak Selatan, 57100 Kuala Lumpur. **TEL** 03-89641258 **FAKS** 09-89641258 **PENERBIT/ PENGEDAR/ PROMOSI** Bahagian Pendidikan Masyarakat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Aras 4, Blok D6, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Peti Surat 6000, 62007 Putrajaya.

Buletin SPRM diterbitkan oleh Seksyen Penerbitan Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan berkonsepkan "Informasi Dikongsi Rasuah Dihindari". Artikel-artikel dalam buletin ini hanyalah pandangan peribadi penulis, bukan dasar atau kenyataan rasmi SPRM dan tiada kaitan dengan mana-mana pihak. Buletin ini diedarkan secara percuma kepada sektor kerajaan, badan berkanun, swasta dan perpustakaan IPTA/ IPTS seluruh negara.

BULETIN  
SURUHANJAYA  
PENCEGAHAN  
RASUAH  
MALAYSIA

# CABARAN DALAM MENINGKATKAN INTEGRITI PENJAWAT AWAM



Datuk Shamshun Baharin Mohd. Jamil  
Penasihat Eksekutif Editorial

**A**ssalamualaikum WBT,  
Salam Sejahtera Dan Salam 1  
Malaysia...

Ketika ini seluruh negara masih lagi berkabung di atas kehilangan kapal terbang Malaysia Airlines System (MAS) MH370, yang membawa 239 penumpang dan anak kapal dari Kuala Lumpur ke Beijing. Kehilangan yang masih lagi menjadi tanda tanya. Apa yang termampu kita lakukan ketika ini hanyalah berdoa dan berharap MH370 ini dapat ditemui semula.

Berkait dengan misteri kehilangan MH370 ini, ramai yang mempertikaikan tindakan pegawai Imigresen bertugas ketika itu. Berdasarkan maklumat awal, terdapat dua orang penumpang yang menggunakan paspot curi. Tidak masuk akal!!! Itu pendapat ramai termasuk seorang menteri, yang menyelar tindakan pegawai berkenaan.

Walaupun pada dasarnya tindakan pegawai tersebut mengikut prosedur, namun kelalaian membuat pengecaman teliti mengakibatkan nyawa 237 penumpang lain menjadi taruhan. Hal ini berkait rapat dengan integriti pegawai tersebut.

Sekiranya pegawai tersebut menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab kebarangkalian untuk dua orang penumpang yang menggunakan paspot palsu tersebut terlepas mungkin tipis.

Isu integriti ini sememangnya merupakan satu isu yang sensitif. Namun, jika tidak ada sebarang usaha yang diambil untuk

meningkatkan kesedaran orang ramai terutama penjawat-penjawat awam mengenainya, isu ini akan terus menjadi pertikaian dan dipersoalkan.

Penubuhan Unit Integriti (UI) di kementerian, agensi berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat swasta merupakan langkah awal dalam usaha ini. Penempatan pegawai-pegawai SPRM di agensi bukanlah sekadar pemantau. Ia bagi memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh hatta meningkatkan semangat patriotisme.

Pada tahun 2013, Syarikat Petroleum Nasional, Petronas telah diiktiraf integritinya apabila berjaya menempatkan syarikat itu di antara 5 yang terbaik dalam pengamalan nilai dan tatakelakuan. Ini merupakan satu contoh kejayaan yang dicapai dengan adanya UI di sektor tersebut.

Bagi tahun 2014, SPRM menasaskan lebih ramai lagi pegawai yang akan ditempatkan di kementerian mahupun agensi bagi memastikan Malaysia menjadi antara negara yang mempunyai tahap integriti terbaik di dunia.

Sehingga ke hari ini, SPRM menggunakan data-data sebenar yang dikumpul oleh SPRM untuk menentukan taraf risiko sesuatu jabatan ataupun agensi. Walau bagaimanapun, SPRM sedang berusaha untuk menggabungkan beberapa 'tools' dan 'assessment' dalam kaedah penentuan taraf risiko.

Usaha meningkatkan kesedaran mengenai integriti ini tidak akan berjaya sekiranya semua pihak hanya bergantung harap kepada

SPRM dan agensi-agensi lain yang melaksanakan integriti seperti Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Transparency International-Malaysia (TI-M).

“*Penubuhan Unit Integriti (UI) di kementerian, agensi berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat swasta merupakan langkah awal dalam usaha ini. Penempatan pegawai-pegawai SPRM di agensi bukanlah sekadar pemantau. Ia bagi memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh hatta meningkatkan semangat patriotisme.*”



# WANG POLITIK vs POLITIK WANG ?

Secara amnya, sesebuah parti politik memerlukan wang sebagai pendanaan untuk tujuan pilihan raya termasuk aktiviti-aktiviti parti politik yang lain seperti pendidikan, analisis polisi, latihan dan lain-lain. Semasa pilihan raya parti politik memerlukan jumlah dana yang banyak untuk membiayai kempen pilihanraya, seperti perbelanjaan calon, pusat operasi kempen, poster dan media massa dan elektronik. Kebiasaannya kesemua kos-kos tersebut dibiayai dengan yuran keahlian, derma politik, makan malam untuk mendapatkan dana, penjualan buku dan juga dana daripada calon pilihan raya sendiri. Seiring dengan kenaikan kos sara hidup yang lain, kos untuk parti politik juga bertambah dan untuk menjalankan kempen pilihan raya memerlukan dana yang lebih daripada biasa. Persaingan untuk mendapatkan jawatan dan memenangi pilihan raya menjadikan kosnya melambung tinggi. Dalam proses ini, wujudnya politik wang.

Menurut Teh (2002), beliau merujuk politik wang sebagai wang haram yang diterima oleh parti politik. Di dalam konteks Malaysia, beliau merujuk politik wang sebagai menggunakan wang, hadiah, barangan berharga, kontrak untuk membeli undi dan sokongan dan kebiasaannya berlaku semasa kempen pilihan raya. Politik wang dirujuk sebagai rasuah politik apabila ahli politik menerima wang haram daripada individu, ahli perniagaan, atau golongan kaya yang meminta sesuatu sebagai timbal balik. Kebiasaannya mereka meminta kontrak bisnes kerajaan dan juga kontrak bisnes usahasama sebagai balasan. Menurut Transparency International-Malaysia (TI-M), penggunaan wang di dalam politik tidak dipantau oleh intitusi kerajaan seperti Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan ianya juga tidak dipantau dengan ketat oleh parti-parti politik. Kesannya, ia akan menyebabkan pemilihan pemimpin yang bakal memimpin parti dan negara akan terjejas. Sebagai contoh, pemimpin yang berkualiti tetapi tidak mempunyai dana politik

yang banyak akan tewas kepada pemimpin yang kurang ciri-ciri kepimpinan tetapi mempunyai pendanaan yang banyak. Akibatnya negara akan ditadbir oleh pemimpin yang tidak kompeten dan bakal menjerumuskan negara kepada keadaan tidak menentu.

Selain daripada itu, politik wang juga dirujuk kepada amalan membeli undi semasa kempen pilihan raya. Di Malaysia fenomena ini dilihat telah lama bertapak di dalam sistem politik negara dan ia melibatkan parti politik utama di negara ini iaitu UMNO. Ianya bermula pada tahun 1981 apabila Dr. Mahathir Mohamad (kini Tun) telah dilantik sebagai presiden UMNO. Beliau kemudiannya mengumumkan tidak akan menamakan timbalannya dan menyerahkannya kepada delegasi untuk memilih di dalam pemilihan agung UMNO. Dua tokoh dilihat layak untuk jawatan tersebut iaitu Tengku Razaliqah Hamzah dan Musa Hitam (kini Tun). Pertandingan tersebut memihak kepada Musa Hitam pada tahun 1984. Merujuk kepada Milner R.S (1986:1371): "...at the 1984 UMNO elections, the total money spent on votes was allegedly well in excess of \$20 million...".

Politik wang dalam UMNO kemudian berterusan sehingga pada 1995, dilaporkan bahawa seorang calon telah membelanjakan sehingga RM 6 juta untuk memenangi jawatan ketua bahagian UMNO Pasir Salak, Perak. Kemudian melihatkan politik wang menjadi-jadi di dalam UMNO dan tidak dapat dikawal Datuk Seri Dr. Mahathir telah mengharamkan waktu berkempen semasa pemilihan UMNO tahun 1996. Pada tahun 2001, di dalam usaha untuk mengurangkan amalan politik wang, UMNO telah mewujudkan lembaga disiplin UMNO yang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan tatakelakuan semasa pemilihan agung parti. Jika ada laporan mengenai pelanggaran tatakelakuan tersebut, maka lembaga tersebut akan menjatuhkan hukuman

mengikut perlembagaan parti. Hasil usaha ini boleh dilihat apabila Tan Sri Isa Samad dan Dato' Seri Mohamad Ali Rustam, di dapati bersalah akibat politik wang dan mereka dikenakan tindakan tatatertib peringkat parti. Mereka telah dikenakan pergantungan daripada jawatan dan keahlian di dalam UMNO dan dilarang daripada bertanding. (Utusan Malaysia, 24 Jun 2009).

Lantaran itu, untuk kita membezakan diantara wang politik dan politik wang adalah amat penting kerana wang dalam politik amat signifikan untuk "survival" parti politik tersebut. Wang politik dirujuk sebagai wang yang diterima dengan jalan sah seperti yuran keahlian, derma politik yang tidak meminta balasan, sumbangan daripada orang perseorangan untuk parti, dan dana yang diperolehi daripada majlis-majlis makan malam untuk tujuan pendanaan. Wang politik sangat penting untuk ahli politik bagi memastikan penyokong-penyokongnya dapat digerakkan semasa kempen pilihanraya. Jika hanya menggunakan wang persendirian dan sumbangan daripada parti, ianya tidak mencukupi. Kerana sebagai ahli politik kehidupan seharian mereka adalah dikelilingi oleh ahli parti dan penyokong-penyokong. Oleh itu, penggunaan wang amat penting untuk diberikan kepada penyokong seperti di kenduri-kendara, melawat orang sakit, program kemasyarakatan dan sebagainya. Sebagai contoh, sebagai seorang ADUN di sesebuah kawasan akan diberikan peruntukan ADUN untuk diberikan kepada masyarakat di kawasannya dengan cara menganjurkan program kemasyarakatan. Oleh kerana permintaan yang tinggi berbanding wang yang diberikan, maka ahli politik akan memilih untuk mendapatkan wang haram. Di Malaysia, tidak seperti di kebanyakan negara lain, parti politik dibenarkan untuk terlibat di dalam perniagaan. Syarikat yang berkaitan dengan parti politik seperti Multi Purpose Holding Berhad dan The Star Publication oleh MCA, Maika Holding oleh MIC dan beberapa syarikat yang berkaitan dengan UMNO seperti Renong, Utusan Melayu, dan The New Straits Times Press. (Fernandez, et.al :2010). Oleh yang demikian, bagaimana untuk memastikan wang politik dan politik wang tidak bertindan antara satu sama lain? Di dalam perkara ini, TI-Malaysia telah mengusulkan supaya kerajaan Malaysia supaya mengharamkan pembiayaan rahsia yang tidak diumumkan di dalam akaun parti politik. Ini kerana pembiayaan rahsia selalunya tidak telus dan menimbulkan pelbagai spekulasi seperti rasuah, pembiayaan asing, dan penggubahan wang haram. TI-Malaysia juga mengusulkan supaya kerajaan menyediakan pembiayaan untuk parti politik untuk menjamin pertandingan yang adil dan membendung masalah rasuah di dalam proses pendanaan parti politik. (Fernandez, et.al:2010). Sebagai rumsannya boleh dikatakan bahawa wang politik adalah sesuatu yang dibolehkan kerana kepentingannya untuk menyuburkan demokrasi di dalam

parti politik dan negara. Tetapi politik wang yang digunakan untuk membeli undi dan sokongan di dalam sesuatu pilihan raya adalah merujuk kepada rasuah politik kerana ianya mempunyai balasan dan upah sebagai timbal balik iaitu untuk kekal berkuasa dan memenangi sesuatu jawatan. (Mohamad Agus:2005).



*Wang politik dirujuk sebagai wang yang diterima dengan jalan sah seperti yuran keahlian, derma politik yang tidak meminta balasan, sumbangan daripada orang perseorangan untuk parti, dan dana yang diperolehi daripada majlis-majlis makan malam untuk tujuan pendanaan.*





# FORUM INTEGRITI PENCEGAHAN RASUAH PARLIMEN LENGGONG

Barisan Ahli Panel "Forum Integriti Membanteras Rasuah" yang diadakan di Dewan Merdeka Lenggong Perak, pada Februari 2014.



## PEGAWAI SPRM DILATIH MENDEKATKAN DIRI DENGAN MASYARAKAT

**A**kademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) dengan kerjasama Bahagian Pendidikan Masyarakat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan NKRA telah menganjurkan Basic Corruption Awareness Program Kursus Asas pegawai SPRM Siri 13 Bil 1 / 2013 yang bertempat di Kampung Luat, Parlimen Lenggong, Perak Darul Ridzuan pada 12 hingga 15 Februari 2014 dan melibatkan seramai 43 orang Pegawai Kadet Pelaksanaan program ini adalah bertujuan untuk mendedahkan pegawai kadet terhadap tanggungjawab membantu masyarakat awam dalam usaha membina jaringan hubungan bersama masyarakat dalam usaha membanteras rasuah disamping memberikan perspektif positif masyarakat terhadap SPRM. Program ini adalah sejajar dengan saranan pengurusan tertinggi untuk merakatkan SPRM.

Antara pengisian utama dalam

program ini adalah majlis penyerahan anak angkat yang melibatkan pegawai kadet dan penduduk Kampung Luat, Lenggong. Pegawai-pegawai kadet akan tinggal di rumah keluarga angkat masing-masing sepanjang program ini berlangsung. Pegawai-pegawai kadet akan bersama-sama penduduk kampung dalam melaksanakan aktiviti mereka seperti lawatan ke Lembah Warisan Dunia UNESCO, bergotong royong serta aktiviti sukan.

Selain itu, pada 13 Februari 2014, satu Majlis Bicara Agama sempena Maulidur Rasul turut diadakan di Masjid Kampung Luat. Majlis ini telah disampaikan oleh Ustaz Dzulkarnain Hamzah yang terkenal dengan rancangan di Astro Oasis. Ceramah ini turut diserikan dengan perasmian oleh Exco Kerajaan Negeri Perak YB Dato' Shaarani Haji Mohamed. Bersesuaian dengan penganjuran program oleh SPRM, Forum Integriti Membanteras Rasuah telah dilaksanakan pada 14 Februari 2014 di Dewan Merdeka,

Lenggong. Ahli panel pada forum tersebut ialah Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, Dato' Haji Shamshun Baharin Mohd Jamil, Pengarah NKRA, Datuk Hisyam Nordin, dan Ahli Parlimen Lenggong, YB Datuk Shamsul Anuar Nasarah.

Pada 15 Februari 2014 pula telah diadakan ceramah yang bertajuk Pemuafakatan Mencegah Kemungkaran yang telah disampaikan oleh Ustaz Nik Mohd Sukiman Nik Yusof, pegawai yang ditempatkan dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ke SPRM. Sebagai simbolik, majlis penutupan program, upacara menandatangani plak ikrar membanteras rasuah antara SPRM dan Parlimen Lenggong yang disaksikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengurusan dan Profesionalisme, Dato' Haji Zakaria Haji Jaffar.



## DJ RTM EJEN HEBAHAN INFO SPRM

**T**ugas juruhebah atau deejay (dj) radio bukan sekadar sebagai penghibur dan memutar lagu untuk halwa telinga pendengar. Dj turut berperanan dalam menyampaikan maklumat sebagai usaha menyebarkan mesej serta mendidik para pendengar melalui medium radio. Menyedari kepentingan tersebut, Radio Televisyen Malaysia (RTM) telah mengadakan Program Sehari Penyampai Radio RTM Bersama SPRM dengan matlamat utama program iaitu memberi pendedahan kepada dj-dj dan penerbit radio mengenai peranan dan fungsi SPRM selaku agensi pembanteras jenayah rasuah di negara ini. Selain itu, penekanan turut diberikan kepada maklumat berkaitan kesalahan-kesalahan dibawah bidang kuasa SPRM.

Program ini menghimpunkan hampir keseluruhan dj, penerbit, serta warga kerja dari Unit Radio RTM Ibu Pejabat dan berlangsung di Auditorium P.Ramlee Angkasapuri. Sesi ceramah secara persembahan bermesej disampaikan oleh peneceramah bergitar SPRM Penguasa Mohd Radhi bin Omar diikuti ceramah bertajuk 'Merakatkan SPRM' oleh Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM, Abdul Samat bin Kasah.

Mengulas mengenai manfaat program ini, Pengarah Bahagian Program Radio RTM, Dr. Nawiyah binti Che' Lah mengakui perlunya sesi penerangan dan penyampaian info dari SPRM kepada dj-dj radio dan warga penerbit di RTM kerana info-info tersebut boleh dijadikan talking point yang berguna untuk disampaikan kepada para pendengar radio sekaligus dapat mendidik masyarakat mengenai pencegahan rasuah. 'Program ini sangat bermanfaat kepada dj-dj dan penerbit radio di RTM dan saya berharap program sebegini dapat diteruskan lagi dengan penglibatan dj-dj serta penerbit dari stesen radio di negeri-negeri.

Rata-rata yang menghadiri program ini turut memberi maklum balas yang positif semasa diajukan soalan mengenai penganjuran program sebegini. Sementara itu, Dj Fairuz, dari Stesen Muzik FM ketika diminta mengulas perkara yang sama berharap selain dari sesi penerangan mengenai kesalahan-kesalahan rasuah, perkongsian kejayaan-kejayaan besar yang dikecapi SPRM boleh menarik perhatian masyarakat untuk mengikuti perkembangan SPRM. 'Masyarakat lebih tertarik untuk mengetahui kes-kes yang berprofil tinggi dan berkepentingan awam. 'Perkongsian mengenai kejayaan kes-kes besar yang

berjaya dituduh dan telah dijatuhkan hukum dimahkamah juga boleh dikongsikan kepada pendengar. 'Sekurang-kurangnya ia membantu meningkatkan keyakinan masyarakat sekaligus menangkis persepsi negatif mereka terhadap SPRM yang dikatakan memilih bulu dalam menjalankan siasatan'. kata beliau mengakhiri perbualan. Program ini diakhiri dengan sesi soal jawab di antara pegawai kanan Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM dan audien yang hadir.







Pasukan Produksi 'Kafe Corner' daripada Bahagian Pendidikan Masyarakat bergambar kenangan bersama Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Abu Kassim Mohamed dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan & Profesional) Dato' Zakaria bin Jaffar sempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013 & Anugerah Khas Ketua Pesuruhjaya SPRM di Putrajaya



Bersama Masyarakat .... Pegawai SPRM tidak melepaskan peluang dalam bersama-sama mendekati penduduk kampung di dalam program kemasyarakatan di Kampung Luat, Lenggong Perak



Apa agaknya yang dibualkan... Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Dr. Ali Hamsa tersenyum melihat reaksi spontan Datuk' Johan Jaafar dan Dato' Prof. Chin Yew Sin semasa Sesi Pertemuan Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) bersama Ketua Setiausaha Negara (KSN)



Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob beramah mesra dengan hadirin di Seminar Integriti Keutuhan Tadbir Urus dan Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) TEKUN Bersama SPRM



Bersemangat !! Peserta -peserta Treasure Hunt Piala TKSU Kanan Jabatan Perdana Menteri bergambar kenangan sebelum pertandingan bermula



Tangkas!! pelatih kadet sedang menunjukkan aksi seni mempertahankan diri sempena Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 13 Bil. 1/2013 (P29) di Padang Kawat SPRM Johor Bharu



Kenangan...Barisan Kepimpinan Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM bergambar kenangan bersama Pengarah Bahagian Program Radio, Dr. Nawiyah Che' Lah dan penceramah bergitar SPRM sempena Program Sehari Penyampai Radio RTM.



Syabas!! Pasukan Futsal SPRM dinobatkan sebagai juara kategori wanita pada Kejohanan Futsal Piala Ketua Setiausaha Negara (KSN) 2014



"Melentur Buluh Biar dari Rebungnya" ... Kanak-kanak Sekolah bergambar kenangan bersama bahan kempen masing-masing dan petugas pameran dari Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM sempena Hari Karnival SK Sri Kepong 1 Kuala Lumpur



Kami sokong!! ..reaksi ahli Puspanita SPRM semasa sesi pemilihan AJK sempena Mesyuarat Terhimpun Puspanita SPRM kali ke 12



# Modul Komprehensif KURSUS ASAS PEGAWAI SPRM

AMAT berbeza! Apabila melangkah kaki ke Dataran Kawad SPRM Johor saya dapat merasai kelainan berbanding empat tahun lalu.

Saya merasai perbezaan ketara kualiti kursus yang dilalui pelatih-pelatih Kursus Asas Penolong Penguasa Gred P29 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Hari ini, pelatih-pelatih perlu dan berpeluang mengikuti kursus yang sama selama 12 bulan. Mereka menamatkan kursus pada 27 Februari lalu.

Tempoh dan kandungan kursus yang dilalui 43 pelatih - kumpulan pertama yang menjalani kursus selama 12 bulan - merupakan antara pendekatan baru yang dibawa oleh SPRM bagi meningkatkan kualiti pegawai dan profesionalisme.

Bagi melengkapkan pelatih-pelatih ini dengan ilmu yang secukupnya, satu modul yang komprehensif telah digubal oleh Pusat Latihan Asas (PLA), Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).

Menurut Pengarah MACA, Datuk Abdul Wahab Abdul Aziz, PLA telah melakukan kajian terperinci berdasarkan kursus-kursus asas sebelum ini termasuk kursus asas peringkat antarabangsa.

"Pembangunan modul ini juga dibuat merangkumi aspek teori dan praktikal," kata beliau sambil menambah modul terbahagi kepada dua fasa di mana fasa pertama melibatkan fasa pembelajaran.

Dalam fasa ini, pelatih-pelatih diberi kefahaman secara teori mengenai bahagian siasatan, risikan dan perundangan. Selain itu, fasa ini juga menguji tahap kemampuan pelatih apabila saban minggu mereka dilantik sebagai 'directing staff' atau tutor. Ini adalah penilaian pertama dalam modul ini.

Fasa kedua pula dinamakan fasa pemantapan dan pemantauan. Bagi tujuan ini pelatih-pelatih dihantar ke seluruh SPRM negara untuk merasai sendiri situasi sebenar ketika menjalankan tugas. Tempoh selama enam



bulan ini, mampu memantapkan pelatih-pelatih dengan ilmu siasatan. Bukan hanya mahir secara teori, bahkan pelatih-pelatih mampu mengaplikasikan tugas secara praktikal.

"Program CSR pertama kali diperkenalkan dalam Program Kursus Asas. Dulu, kita cuba buat khidmat masyarakat... kali ini, kami buat program CSR yang lebih dekat dengan masyarakat," kata Abdul Wahab.

Program CSR diadakan di Kampuang Luat, Lenggong, Perak selama lima hari di mana pelatih didedahkan kepada aktiviti masyarakat setempat dalam usaha merakyatkan SPRM. Walaupun terdiri daripada individu yang berbeza latar belakang, tetapi mereka berjaya

mengharunginya.

Satu lagi kelainan ialah pendekatan 'mentoring' di mana kadet menjalani latihan amali di tempat mereka bakal ditempatkan atau ditugaskan.

"PLA menerima respons positif daripada pengarah-pengarah negeri di mana pelatih-pelatih ini ditempatkan," kata Pegawai Ajutan PLA, Penolong Penguasa Affendy Hamad.

Selesai menjalani fasa pertama dan kedua ini, pelatih-pelatih diserahkan kembali kepada PLA bagi menjalani Penilaian Semula oleh pihak PLA. Pada sesi ini, pelatih-pelatih diberi latihan luar sepenuhnya untuk upacara majlis penutup.

Pada Majlis Tamat Latihan Kursus Asas, lima pelatih muncul sebagai pelatih terbaik. Mereka terdiri daripada penerima Anugerah Ketua Pesuruhjaya, Penolong Penguasa Mohd Idrus Nazri; Anugerah Khas Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) kepada B. Malani Devi; Anugerah Pengarah MACA (Kadet Terbaik Akademik) kepada Mohd Ihsan Sapuan; Anugerah Komandan (Kadet Terbaik Latihan Luar/Lelaki) kepada Adika Azwan Zailan; dan Anugerah Komandan (Kadet Terbaik Latihan Luar/Perempuan) kepada Nurmila Awang.

kata beliau yang aktif dengan badan beruniform semasa bersekolah.

Sementara itu, walaupun terpaksa berjauhan dengan keluarga, kursus 12 bulan sedikit pun tidak menjejaskan tumpuan Mohd Ihsan Sapuan.

Katanya, kadangkala tersimpan rasa bimbang dengan keselamatan diri yang menceburi bidang yang penuh cabaran ini, namun setelah bersusah payah, memerah keringat, ia menjadi pembakar semangat kepada penerima Anugerah Pengarah MACA.

Tiada beza walau berlainan agama dan bangsa. Semangat 1 Malaysia disematkan di dalam diri.

Biar pun terpaksa bergaul dengan hampir keseluruhan pelatih yang berbangsa Melayu dan beragama Islam, ia tidak menjadi bebanan kepada Penerima Anugerah Khas Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Malani Devi a/p Baskaran. Menurut beliau, bukan mudah untuk menempatkan diri di SPRM. Justeru, beliau nekad untuk menerima tawaran sebagai Penolong Penguasa di SPRM.

Ketua Pesuruhjaya Tan Sri Abu Kassim Mohamed berkata, SPRM komited untuk melahirkan pegawai berkepakaran tinggi dan terlatih bagi meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap tugasnya untuk memerangi rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan.

Jelas beliau, MACA menggunakan model latihan yang mempunyai standard dan tanda aras tinggi untuk melahirkan pegawai bertaraf profesional serta memenuhi keperluan semasa.

Selain menjalani latihan komprehensif selama 12 bulan, prestasi pegawai kadet juga diukur mengikut kelas.

Menurut Abu Kassim, UNODC mengiktiraf MACA, yang beroperasi sejak 2005, sebagai penyedia latihan antarabangsa.

Berikutan pengiktirafan itu, MACA mengkaji semula model Kursus Latihan Asas kendaliannya dan memanjangkan tempohnya daripada tiga hingga enam bulan kepada 12 bulan untuk meliputi latihan kerja dan psikologi.


**“** Model latihan yang diperkenalkan oleh MACA ini mempunyai standard dan tanda aras yang tinggi, selari dengan pengiktirafan yang diberikan oleh Agensi PBB Mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC) berikutan pematuhan SPRM terhadap Konvensyen PBB Mengenai Pencegahan Rasuah (UNCAC) **”**

**Tan Sri Abu Kassim Mohamed  
Ketua Pesuruhjaya SPRM**





# HELAH Membawa PADAH



“Sungguh, Puan. Saya orang Melaka.”

“Awak, jangan nak main-mainkan saya. Cakap betul-betul.”

“Betul, Puan. Puan tengok la IC saya tu.”

“Awak tau tak kod pada kad pengenalan tu untuk orang Kedah. Gaya cakap awak pun dah buktikan awak bukan orang sini.”

“Jadi sekarang baik awak terus terang dengan kami.”

Tiba-tiba aku teringat satu kes yang pernah aku kendalikan. Seorang pendatang dari tanah seberang yang menyamar menjadi pegawai kastam.

Ketika ditahan, Si A langsung tidak menunjukkan rasa bersalah atau rasa menggelabah. Sangat tenang. Bahkan dia dengan bersahaja menyerahkan kad pengenalan bersama kad kuasanya.

Tetapi sependai-pandai tupai melompat, pasti jatuh ke tanah juga. SPRM tidak sewenang-wenangnya mempercayai seseorang tanpa memeriksa latar belakangnya. Hasil maklumat yang diperolehi, didapati Si A bukanlah pegawai kastam. Menurut pangkalan data Jabatan Kastam Diraja Malaysia, kad kuasa pegawai tersebut pernah dilaporkan hilang. Malahan pegawai tersebut juga tidak lagi bertugas di tempat kejadian.

Hasil soal siasat yang dijalankan ke atas si A didapati Si A merupakan seorang pemastautin tetap setelah berkahwin dengan rakyat tempatan. Si A terjerat dengan sindiket penipuan ini gara-gara gagal melangsaikan hutangnya.

Demi keselamatan keluarganya, Si A nekad terlibat dengan satu sindiket penipuan.

Lantaran gelap mata setelah mendapat cara mudah untuk memperoleh wang yang banyak, Si A meneruskan kerjanya tanpa memikirkan risiko yang bakal dihadapinya.

Semasa disoal siasat, terbongkarlah segala maklumat. Sindiket ini rupa-rupanya telah lama berleluasa. Ketuanya juga adalah orang dari tanah seberang. Namun, mengikut maklumat si A, dia sendiri tidak pernah berjumpa dengan ketua sindiket ini kerana hanya menerima arahan daripada orang perantaraan.

Daripada maklumat yang diperolehi, SPRM membuat operasi bersama PDRM untuk menghapuskan sindiket ini daripada terus bermaharajalela. Ketika serbuan dibuat di satu lot kediaman, beberapa orang telah ditahan termasuk seorang wanita yang merupakan isteri kepada ketua sindiket tersebut.

Walaupun kes ini berjaya dibawa kemuka pengadilan, namun sehingga ke hari ini ketua sindiket ini masih gagal dikesan. Pelbagai cara telah digunakan tetapi masih belum membuahkan hasilnya. Walau bagaimanapun SPRM tetap akan berusaha sehingga tertumpasnya sindiket ini.

KUALA LUMPUR, 15 Februari - Program Givers & Takers, The Integrity – Corruption Continuum telah berlangsung dengan jayanya bertempat di Auditorium Institut Integriti Malaysia (IIM). Program berbentuk forum dan soal-jawab ini merupakan anjuran Association of Voices of Peace, Conscience dan Reason (PCore), sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dengan kerjasama SPRM.

Objektif utama program ini adalah untuk menyampaikan mesej kebebasan, ketelusan dan profesional SPRM kepada masyarakat serta bagi menyebarkan program-program kesedaran ke arah pencegahan rasuah. Dianggarkan seramai 400 orang peserta telah menyertai program ini dan mereka merupakan ahli-ahli pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) serta pegawai-pegawai kanan daripada agensi di bawah seliaan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP).

Antara panel yang turut sama dalam sesi ini adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Senator Datuk Paul Low Seng Kuan dengan membentangkan kertas kerja bertajuk “Integrated Framework for Combating Corruption”. Antara yang

## PROGRAM GIVERS & TAKERS THE INTEGRITY-CORRUPTION CONTINUUM

membentangkan kertas kerja adalah Pengarah NKRA Anti-Rasuah PEMANDU, Tuan Ravindran Devagunam dengan tajuk “Anti-Corruption Targets in the Government Transformation Plan” dan Profesor Jon Quah daripada Universiti Kebangsaan Singapura dengan tajuk “The Critical Importance of Political Will In Combating Corruption”. Sesi soal jawab bersama panel-panel turut diadakan dengan dikendalikan oleh moderator Wan Saiful Wan Jan, Pegawai Eksekutif, Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS).

Program diteruskan dengan sesi perbincangan Citizens Against Corruption yang bertajuk “Catch The Rats and Stop The Rot” oleh panel Editor The Sun R. Nadeswaran serta Sukarelawan Sosial Hussaini Abd Karim dan moderator bagi sesi ini ialah Rita Sim (PCore). Sesi seterusnya diteruskan dengan pembentangan oleh Dr. Anis Yusal dengan tajuk “The Socio-Culture Milieu & People’s Will”. Sesi pembentangan terakhir adalah YBhg Tan Sri Abu Kassim Bin Mohamed, Ketua Pesuruhjaya SPRM dengan tajuk “Determining the Success of MACC’s Anti-Corruption Measures”. Program diakhiri dengan ucapan penutup oleh Tun Abdul Hamid Mohamad, mantan Ketua Hakim Negara.





## SJKC LADANG HARCROFT JADI PROJEK PERINTIS KEMPEN WIRA ANTI RASUAH (WAR)



PUCHONG, 10 Februari – Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Ladang Harcroft menjadi perintis kepada Kempen Wira Anti Rasuah yang telah dilancarkan sekolah tersebut dengan bertemakan “Jujur Tidak Tamak, Masyarakat Lebih Indah”.

Menurut Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Dato’ Sutinah Binti Sutan dalam ucapan perasmian berkata, “kita hendaklah menerapkan nilai-nilai integriti berpaksikan nilai kejujuran supaya generasi muda ini mempunyai kekuatan dalaman untuk mencegah mereka daripada melakukan perbuatan menyalahi undang-undang apabila besar nanti.”

Tegasnya lagi, “pada tahun ini, SPRM meletakkan sasaran untuk melaksanakan program itu di sekurang-kurangnya 10 buah SJKC di setiap negeri. “Di sekolah menengah, kita sudah ada siri kurikulum mengenai anti rasuah dan di universiti kita ada mekanisme yang dipanggil Sekretariat Pencegahan Rasuah,” ujarnya.

Sebagai permulaan, program ini akan dilaksanakan di SJKC terlebih dahulu dan akan diperluaskan ke semua sekolah rendah di seluruh negara.

Pelancaran kempen ini sememangnya amat dinantikan kerana penekanan terhadap nilai-nilai integriti perlu diterap dari bangku sekolah lagi. Selain itu, program ini juga merupakan usaha berterusan SPRM untuk mendekati masyarakat cina dengan dimulakan di peringkat sekolah rendah.

Pelancaran kempen WAR turut dihadiri Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, Dato’ Shamshun Baharin Mohd Jamil, barisan kepimpinan pengurusan sekolah, pegawai-pegawai SPRM, guru-guru serta murid-murid sekolah tersebut.

## SPRM-UiTM jalin kerjasama bentuk pegawai siasatan khusus bidang perakaunan

SHAH ALAM, 31 Mac - Jalinan kerjasama yang termeterai antara Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) membuka lembaran baru bagi mencari bakat-bakat berpotensi daripada kalangan penuntut pusat pengajian tinggi itu untuk mengisi jawatan sebagai pegawai siasatan.

Sesi temu duga prakelayakan membabitkan penuntut tahun akhir jurusan perakaunan kampus induk UiTM telah diadakan di Menara Sultan Abdul Aziz, UiTM Shah Alam dengan dihadiri kira-kira 80 orang calon. Daripada jumlah tersebut sekitar 20 nama calon dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk proses seterusnya sebelum diserap sebagai Pegawai Siasatan Gred 41 SPRM kelak.

Mekanisme baru pengambilan ini dilihat sebagai langkah proaktif SPRM menjalin kerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi mengenal pasti calon berpotensi secara terus. Keperluan dan permintaan yang tinggi ke atas lepasan jurusan perakaunan mendorong SPRM menyaring terus calon-calon yang sesuai melalui sesi prakelayakan.

Dekan Fakulti Perakaunan UiTM kampus Shah Alam, Prof. Dr. Rozainun Abdul Aziz menyifatkan kerjasama ini akan memberi nilai tambah kepada usaha meningkatkan kualiti penuntut UiTM, khususnya mereka yang mengikuti jurusan perakaunan.

“Kami yakin langkah awal ini akan membawa kepada kerjasama yang lebih luas antara SPRM dan UiTM selepas ini,” kata beliau dalam ucapannya pada

Seminar Kerjaya dan Temu Duga Prakelayakan Calon Pelajar Tahun Akhir Fakulti Perakaunan yang diadakan pagi ini.

Dalam pada itu, Pengarah Bahagian Pemantauan dan Penyelaras SPRM, Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya Muhammad Salim Sundar Abdullah berkata, skim perkhidmatan SPRM adalah yang paling unik.

“Ia (skim perkhidmatan SPRM) merupakan satu skim yang paling komprehensif dan kompetitif di antara skim perkhidmatan awam yang lain”, tegas Salim lagi. “Untuk menjadikan (SPRM) sebuah organisasi berprestasi tinggi, kita perlu menyediakan modal insan yang bukan sahaja mempunyai kebolehan terbaik, tetapi juga yang mempunyai integriti tinggi,” kata beliau.

Jelas beliau, SPRM membuat tapisan pratemu duga untuk mengenal pasti calon-calon terbaik dari segi pencapaian akademik dalam jurusan perakaunan.

“Ini merupakan kali pertama SPRM berganding bahu bersama Fakulti Perakaunan UiTM melaksanakan sesi mencari bakat-bakat yang berpotensi daripada kalangan pelajar tahun akhir jurusan perakaunan,” katanya.

Taklimat mengenai “Kerjaya Di SPRM” disampaikan oleh Salim manakala Pengarah Bahagian Forensik, Datuk I.G. Chandran Ayadurai menyampaikan ceramah berkenaan latihan forensik dan Ketua Unit Strategik Modal Insan, Shareefa Faridha Syed Haniff pula menyentuh tajuk “Bakat Modal Insan SPRM”.

## MAJLIS LUCHEON TALK SPRM NEGERI SEMBILAN BERSAMA GLC, SYARIKAT SWASTA, NGO DAN JABATAN KERAJAAN



Serius.. panelis forum, Tan Sri Dato' Seri Megat Najmuddin Megat Khas menjawab soalan yang dilontarkan oleh wakil NGO sambil diperhatikan Datuk Seri Azman Ujang dan Tan Sri Abu Kassim Mohamed dalam Forum SPRM Bersama Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) di Kuala Lumpur baru-baru ini.

## NGO KOMITED BANTU SPRM CEGAH RASUAH

Kuala Lumpur, 10 Februari – Dengan tema ‘MACC Today, Moving Together’, Transformasi Pencegahan SPRM dibawah pasukan kerja (service line) Keterlibatan Masyarakat Awam (Civil Society Engagement) telah menganjurkan Forum SPRM Bersama Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) bertempat di Dewan Tun Ismail, MACA.

Forum ini bertujuan untuk mendekati masyarakat sivil yang kebanyakannya merupakan golongan NGO dalam usaha menyebarkan mesej anti rasuah di negara ini.

Program dihadiri seramai 130 orang wakil daripada pertubuhan bukan kerajaan yang paling aktif antaranya seperti Transparency International Malaysia (TI-M), The Centre to Combat Corruption & Cronyism (C4), Sisters in Islam (SIS), Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS), Gabungan Pilihanraya Bersih dan Adil (BERSIH), Pertubuhan IKRAM Malaysia, The Association for the Promotion of Human Rights (PROHAM) dan lain-lain lagi.

Forum ini dimulakan dengan sesi ceramah bertajuk ‘SPRM dan Pencegahan Rasuah’ yang disampaikan oleh Dato’ Sutinah Binti Sutan, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM. Sesi ceramah kedua diteruskan oleh Datuk Mustafar Ali, Pengarah Siasatan SPRM bertajuk ‘Operasi SPRM’.

Majlis kemudiannya memasuki sesi kemuncak di mana Ketua Pesuruhjaya SPRM bersama Tan Sri Dato’ Seri Megat Najmuddin Datuk Seri Dr Megat Khas berinteraksi dengan para peserta dalam sesi soal jawab yang dikendalikan oleh Datuk Seri Azman Ujang yang juga merupakan ahli Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah.

Pelbagai soalan telah dikemukakan oleh para peserta antaranya berkenaan dengan kes-kes rasuah terkini, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan Akta Perlindungan Saksi 2009. Selain itu, turut ditanya adalah berkenaan struktur organisasi SPRM termasuk kewujudan lima badan pemantau bebas.

Di akhir forum, wakil daripada C4, Cynthia Gabriel mewakili peserta mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas penganjuran forum yang sangat dinanti-nantikan dan berharap program seperti ini diadakan lagi pada masa akan datang. Beliau turut mencadangkan agar penekanan terhadap program pendidikan terutamanya pada masyarakat luar bandar diperhebatkan. Selain itu, beliau juga mencadangkan agar SPRM menjalin kerjasama dengan pihak media untuk menerbitkan lebih banyak artikel berkenaan rasuah. Antara cadangan lain adalah untuk mewujudkan Gabungan NGO Anti Rasuah (Anti Corruption Coalition).



Seremban.- 20 Mac 2014 - Bertempat di Grand Ball Room 3, Klana Resort, Seremban, Negeri Sembilan telah berlangsung Majlis Luncheon Talk bersama GLC, Syarikat Swasta, NGO dan Jabatan Kerajaan Negeri Sembilan. Majlis telah disempurnakan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed.

Golongan sasar majlis ini ialah masyarakat korporat yang jarang didekati oleh SPRM sebelum ini. Antara agensi yang dijemput dan telah sudi melapangkan masa menghadiri majlis ini ialah Telekom Malaysia (TM) Seremban, Kumpulan Perubatan Johor (KPJ) Seremban, Columbia Hospital Seremban, Royale Bintang, LHDN, Tabung Haji, SSM, Felda, MARDI, Sutera Hotel Seremban, Klana Resort Seremban, CIDB, Dewan Perhimpunan Cina Seremban dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Negeri Sembilan. Manakala jabatan kerajaan yang turut sama memeriahkan program ialah PDRM, Jabatan Kastam, Jabatan Agama Islam, AADK, KPDKK JKR Negeri Sembilan dan Jabatan Alam Sekitar.

Program dimulakan dengan pendaftaran dan diikuti oleh Majlis Lucheon Talk oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM. Ketua Pesuruhjaya telah menjawab semua soalan yang diberikan oleh peserta program dan diakhir program wakil daripada peserta sendiri telah menyampaikan rasa puas hati diatas jawapan yang berani dan telus diberikan.

Wakil daripada pihak media juga turut serta dalam program ini. SPRM Negeri Sembilan telah meminta bantuan daripada Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM untuk mengadakan pameran sepanjang program berlangsung. Kaunter pameran yang dibuka turut menjadi tumpuan wakil-wakil agensi yang hadir bagi mendapatkan informasi berhubung SPRM.





Seseorang itu harus berhati-hati terhadap mereka yang tidak boleh berbuat apa-apa tanpa wang, dan mereka yang mahu melakukan segala-galanya dengan wang

*Indira Gandhi*



## **SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA**

Panggilan Talian Bebas Tol kami:

# **1-800-88-6000**

BEBAS • TELUS • PROFESIONAL

Email: [info@sprm.gov.my](mailto:info@sprm.gov.my)

Web: [www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my)

SMS: 019-6000 696